

20/07/1999

Malam puisi Usman meriah

Jamudin Idris

WALAUPUN ada karyanya yang ditulis sebelum negara mencapai kemerdekaan tetapi kelembutan dan kejernihan pengucapan bahasanya, indah dan puitis; di samping subjek yang cukup relevan dengan situasi zamannya membuatkan nama Sasterawan Negara Datuk Usman Awang terus dikenang dan disanjung.

Karya Usman dalam pelbagai genre banyak diterbitkan terutama selepas beliau dinobatkan sebagai Sasterawan Negara pada 1983. Novelnya Tulang-tulang Berserakan, kumpulan puisinya Gelombang, Duri dan Api serta Puisi-puisi Pilihan Usman Awang pernah dijadikan kajian peringkat SPM/STPM.

Jadi tepat sekali satu majlis besar, Malam Puisi Usman Awang diadakan sebagai dedikasi kepada pencipta seni itu. Ia turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam.

Kehadiran Perdana Menteri dan isteri secara mengejut pada majlis itu membuktikan keprihatinan beliau terhadap kegiatan sastera.

Majlis itu diadakan dua hari selepas hari lahir Usman pada 12 Julai. Pada usia 70 tahun Usman dinobatkan sebagai Seniman Agung kerana sumbangan besarnya dalam penulisan dan persuratan. Anugerah disampaikan Dr Mahathir di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), jam 8.30 malam.

Malam puisi yang menghimpunkan sasterawan terbilang, penyair, artis popular, pemimpin politik, peminat dan sahabat mendapat sambutan hangat dan ramai penonton terpaksa berdiri.

Acara malam itu dibuka dengan persembahan gurindam oleh Rohani B dan diikuti deklamasi puisi oleh Johan Pengacara Jemputan Nona, Tengku Khalidah Bidin, Mahadzir Lokman (dengan lagu puisi Kekasih) dan Mohd Noor Sulaiman (Bunga Popi).

Selepas itu ditampilkan beberapa artis ternama seperti Ahmad Idham, penyanyi Nora dengan lagu Jentayu, Datin Rafeah Buang dengan syair Perjalanan Hidup Usman serta Aida Rahim dan Jalaluddin Hassan yang mementaskan satu episod daripada drama Uda dan Dara.

Pengarang Mangga, Juwie tampil dengan pantun jenaka dan sinis Usman, selain cuba menjawab sesetengah pantun itu. Biduanita Sharifah Aini turut berpantun pada majlis itu.

Rakan lamanya dari Kedah Affrini Adham tidak mahu ketinggalan dan menyampaikan puisi Usman, Surat Dari Masyarakat Burung Kepada Datuk Bandar, rakan dari seberang tambak Johor, Masuri SN dengan Sekuntum Senyum Untukmu Usman Awang manakala A Samad Said tampil dengan puisi Menyongsong Abad dedikasi untuk tokoh itu.

A Samad berkata, Usman adalah editor yang baik kerana setiap kali beliau menghantar karya, ia disiarkan tanpa banyak soal. Lebih menggembirakannya karyanya dibayar dulu sebelum disiarkan.

Lagu puisi Usman pula dikumandangkan oleh Koprata dan Ahmad Ramli dari Pulau Pinang selain Mahadzir terpaksa menyampaikan sekali lagi lagu puisi Kekasih kerana permintaan Perdana Menteri yang dituju khas kepada Dr Siti Hasmah.

Mubarak Majid pula digandingkan dengan Normala Shamsuddin menyampaikan petikan drama Usman, adik Ku Amirul Faiz Ku Seman dengan puisi Usman Guru manakala penyanyi Siti Nurhaliza menyampaikan lagu Melati.

Dr Othman Puteh melahirkan rasa bangganya kerana diberi amanah mengusahakan antologi karya pengarang tersohor itu dan diberi judul Ini Saya Punya Kerja, sebuah cerpen Usman yang disiarkan dalam Berita Harian pada 11 Oktober 1962.

Usman menggunakan nama Ahmad Nordin dan cerpen itu menceritakan keprihatinan, kepekaan dan ketegasan anggota polis yang menjalankan tugasnya. Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein, Zulkifli Alwi dan Mohd Nor Sulaiman tampil dengan puisi Melayu manakala Ketua Pengarah DBKL, Datuk Noordin Razak menyampaikan puisi Pak Utih dan puisi khusus untuk Usman berjudul Permata dari Kuala Sedeli.

Lebih penting daripada itu seperti yang diucapkan Noordin: "Bang Usman kurang sihat akhir-akhir ini. Kita semua memanjatkan doa agar usia Usman terus dipanjangkan Allah SWT."

Selain rakan yang berkesempatan mendeklamasikan puisi untuk Usman pada majlis itu, ramai lagi rakan yang menyanjungi tokoh itu. Zahari Hasib menulis puisi berjudul: